

# Menara KL dibuka semula mulai esok

*Sasar 30,000 pengunjung sempena sambutan 25 tahun pembinaan*

Oleh Ekhwan Haque  
Fazlul Haque  
ekhwan@  
hmetro.com.my

## Kuala Lumpur

**M**enara Kuala Lumpur menyasarkan 30,000 pengunjung sempena pembukaan semula mercu tanda ikonik ibu kota 1 Oktober.

Pembukaan semula menara telekomunikasi tertinggi di Asia Tenggara dan ketujuh di dunia itu juga bersempena sambutan 25 tahun pembinaannya.

Ketua Pegawai Eksekutif, Menara Kuala Lumpur Sdn Bhd, Ainol Shahrina Sahar berkata, pembukaan semula sektor pelancongan akan merancakkan semula Me-



nara Kuala Lumpur sebagai destinasi pilihan warga Lembah Klang.

Menurutnya, pelbagai aktiviti akan diadakan bermula esok termasuk virtual dan kehadiran fizikal.

“Sambutan ulang tahun ini juga diadakan sebagai tanda penghargaan dan terima kasih kami kepada pe-



*Di dek pemandangan seramai 80 pengunjung setiap jam manakala Skydeck pula terhad untuk 120 pengunjung setiap jam”*

**Ainol Shahrina**

ngunjung yang sentiasa menyokong Menara Kuala Lumpur sejak 1996.

“Pelbagai aktiviti yang diadakan juga tetap mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM),” katanya dalam sidang me-

dia secara maya, semalam. - Katanya, Menara Kuala Lumpur beroperasi setiap hari bermula 11 pagi hingga 7 malam setiap Isnin hingga Jumaat manakala Sabtu dan Ahad bermula 10 pagi hingga 10 malam.

Beliau berkata, berdasarkan kapasiti ditetapkan seramai 700 hingga 1,000 pengunjung boleh mengunjungi Menara Kuala Lumpur setiap hari.

“Di dek pemandangan seramai 80 pengunjung setiap jam manakala Skydeck pula terhad untuk 120 pengunjung setiap jam.

“Ini bagi mematuhi SOP dan penjarakan fizikal yang ditetapkan oleh MKN dan KKM bagi mengelak penularan wabak Covid-19,” katanya.